

15 JUL 1999

MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri

PUTRAJAYA, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat menteri-menteri besar dan ketua menteri di kompleks pentadbiran kerajaan persekutuan di Putrajaya.

Agenda utama yang dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah memperkukuhkan perkhidmatan perancangan bandar dan desa antara kerajaan persekutuan dan negeri serta isu kelewatan pihak berkuasa tempatan mengeluarkan sijil kelayakan diduduki (CF).

"Di samping itu, mesyuarat berkenaan juga menyentuh status pelaksanaan projek bekalan air luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

"Turut dibincangkan di mesyuarat itu yang dihadiri semua menteri besar, kecuali Kelantan dan ketua menteri, kecuali Sarawak, ialah laporan prestasi pelaksanaan program menaikkan taraf jalan kampung secara goton-royong," menurut satu kenyataan pejabat Perdana Menteri yang dikeluarkan di akhir mesyuarat itu.

Sarawak diwakili Timbalan Ketua Menteri Datuk Dr George Chan.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam.

-- BERNAMA

MNY RON